

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

# Program vaksin mula tunjuk kesan positif

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang bermula pada 24 Februari lalu mula menunjukkan kesan positif khususnya penurunan kes jangkitan harian dan kadar penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU) di beberapa negeri dan wilayah.

Semalam, Wilayah Persekutuan Labuan menjadi wilayah pertama di negara ini, beralih ke Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa hari ini, apabila kes positif COVID-19 harian di pulau itu menurun kepada satu digit secara konsisten selama 12 hari berturut-turut.

Kadar penggunaan katil ICU di Labuan juga kini menurun ke angka sifar peratus, berbanding 30 peratus pada bulan lalu.

Pencapaian itu susulan 92.4 peratus daripada populasi dewasa yang mendiami Wilayah Persekutuan itu sudah melengkapkan dos vaksin masing-masing, membolehkan pulau berkenaan mencapai imuniti kelompok.

MKN juga membuat keputusan membenarkan Negeri Sembilan beralih daripada Fasa Satu kepada Fasa Dua PPN bermula hari ini, apabila kes jangkitan di negeri itu bertambah baik dengan trend penurunan dalam penggunaan wad ICU daripada lebih 120 peratus kapasiti pada akhir Mei kepada kurang 40 peratus semalam.

Ini selaras pencapaian kadar vaksinasi di negeri itu yang semakin tinggi iaitu 72.3 peratus daripada kalangan populasi dewasa yang menerima dua dos.

**Nasional 2**



AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Elak risiko jangkitan varian Delta

## Orang ramai disaran guna pelindung bersama pelitup muka dua lapis

Oleh Suzalina Halid  
 suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penggunaan pelindung muka dan dua lapisan pelitup muka mampu memberi perlindungan sehingga 96 peratus daripada jangkitan varian Delta COVID-19 yang disifatkan varian membimbangkan (VOC) yang amat berbahaya.

Sehubungan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penggunaan pelindung dan dua lapisan pelitup muka perlu dimasukkan sebagai strategi keselamatan untuk mengurangkan penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat.

"Penggunaan pelindung muka dan dua lapisan pelitup muka boleh memberi 96 peratus per-

indungan daripada jangkitan varian Delta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Oleh itu, beliau menasihatkan orang ramai memakai pelindung muka dan dua lapis pelitup muka di tempat awam sebagai langkah perlindungan berganda mencegah jangkitan varian Delta yang semakin dominan ketika ini.

Baru-baru ini, Dr Noor Hisham berkata, kajian baharu mengenai varian Delta mendapati bahawa ia boleh membiak di dalam hidung individu yang sudah mendapat suntikan vaksin, sama seperti individu belum divaksin.

Ini bermaksud individu yang sudah divaksin tetap dapat menyebarkan virus berkenaan serta menjangkiti orang lain," katanya.

Kajian juga mendapati varian Delta boleh merebak dalam tempoh 15 saat sahaja pada jarak satu meter.

"Disebabkan itu, walaupun sudah divaksinasi, kita nasihatkan orang ramai untuk kekal memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal," katanya.

Dr Noor Hisham juga berkata, lonjakan kes COVID-19 sejak kebelakangan ini juga dipercayai berpunca daripada penularan

jangkitan varian Delta.

Mengulas kenyataan Dr Noor Hisham, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata penggunaan pelindung muka dan dua lapisan pelitup muka boleh diaplikasikan orang ramai bergantung kepada keadaan membabitkan faktor risiko dan lokasi.

Beliau berkata, dua alat itu boleh digunakan jika berada di tempat sesak yang berisiko ataupun di kawasan tertutup seperti pejabat yang tidak mempunyai pengudaraan yang bagus.

Beliau bagaimanapun berpendapat penggunaan pelindung muka dan dua lapisan pelitup muka belum lagi sampai peringkat perlu diwajibkan.

"Pada saya dalam keadaan biasa, penggunaan satu lapisan pelitup muka sudah memadai kerana dapat memberi perlindungan 60 hingga 70 peratus," katanya kepada BH.

Dekan Fakulti Perubatan dan

Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zamberi Sekawi, berpendapat orang ramai sepatutnya sudah bijak menilai risiko penularan varian Delta.



Dr Zainal Ariffin Omar

Beliau juga menggalakkan penggunaan pelindung muka dan dua lapis pelitup muka di kawasan tertutup seperti di pejabat yang tidak mempunyai sistem pengudaraan yang baik kerana bergantung kepada alat penghawa dingin.

"Ini yang menyebabkan kebolehjangkitan adalah tinggi terhadap COVID-19 khususnya varian Delta.

"Ini kerana varian Delta boleh berjangkit melalui udara dan jika di luar, adanya pengudaraan yang baik dan virus boleh dititup angin maka tiada kepentingan mendesak," katanya.

Kementerian Kesihatan (KKM) juga tidak menolak kemungkinan peningkatan kes kematian di luar hospital (BID) di negara ini juga ada kaitan dengan penularan varian Delta.

Bagi minggu pertama Ogos, sejumlah 176 kes BID direkodkan, namun ia meningkat sebanyak 408 kes antara 8 hingga 14 Ogos, iaitu peningkatan lebih 130 peratus, menjadikan jumlah kes BID dalam tempoh dua minggu pertama bulan ini 584 kes, iaitu 18.2 peratus daripada 3,202 kematian yang dicatatkan dalam tempoh sama.

Menurut data Public Health England, pesakit dijangkiti varian Delta 1.8 kali ganda lebih berisiko untuk dimasukkan ke hospital berbanding mereka yang dijangkiti varian Alpha.

Virus COVID-19 asal boleh menjangkiti 2.5 orang lain, tetapi varian Delta boleh merebak dan menjangkiti 3.5 hingga 4 orang, hampir 2 kali ganda lebih banyak berbanding virus asal.

Menurut jurnal medRxiv, individu yang dijangkiti varian Delta mempunyai 1,000 kali ganda lebih banyak virus di dalam saluran pernafasan mereka berbanding virus COVID-19 biasa.

Simptom mereka yang dijangkiti varian Delta juga menunjukkan perbezaan iaitu sakit perut, muntah-muntah, loya, hilang pendengaran, sakit sendi dan hilang selera makan.

# Labuan contoh kejayaan PICK

Dari Muka 1

Labuan adalah tempat di mana varian Delta mula dikesan di negara ini apabila kes positif harian dan kematian mula melonjak Mac lalu. Jumlah kes aktif COVID-19 di pulau bebas cukai itu meningkat 63 kali ganda pada awal Jun.

Malah, kadar kebolehjangkitan (Rt) COVID-19 mengikut kes harian di Labuan pernah mencatat Rt tertinggi iaitu 1.82, Mac lalu, ketika kadar Rt seluruh negara hanya 0.98.

Bagaimanapun, peningkatan kadar vaksinasi di wilayah itu mulai Julai lalu menyaksikan kes COVID-19 dan pesakit dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) mula menunjukkan penurunan mendadak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dalam kenyataannya petang semalam berkata, keputusan membenarkan Labuan beralih daripada Fasa Tiga ke Fasa Empat dibuat berdasarkan kadar vaksinasi lengkap dua dos di bawah PICK, selain disokong data menunjukkan kes positif COVID-19 harian di pulau itu yang menurun kepada satu digit secara konsisten selama 12 hari berturut-turut.

Semalam, Labuan hanya men-

catatkan empat kes positif COVID-19.

"Mengambil kira pencapaian itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas MKN dan atas nasihat Kementerian Kesihatan (KKM), kerajaan mengumumkan peralihan Fasa PPN di Labuan daripada Fasa Tiga kepada Fasa Empat," katanya.

Ismail Sabri berkata, susulan peralihan fasa itu, penduduk Labuan kini boleh menikmati ke-longgaran semua sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja 100 peratus, tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan.

"Seminar, bengkel, kursus dan aktiviti berkaitan mesyuarat ber-tunggal, dibenarkan dengan kapasiti ruang 50 peratus.

"Mereka juga boleh mengadakan majlis sosial seperti kenduri-kendara, sambutan perayaan, pertunangan, *retreat* dan *reunion* dengan had 50 peratus berdasarkan kapasiti premis atau dewan serta mengamalkan penjarakan fizikal," katanya.

Ismail Sabri berkata, Negeri Sembilan juga kini berada pada landasan yang betul untuk mencapai sasaran imuniti kelompok dalam masa terdekat.

Beliau berkata, antara kelonggaran diberikan kepada penduduk Negeri Sembilan sama se-

perti negeri-negeri lain yang beralih ke Fasa Dua termasuk kebenaran pergerakan rentas daerah bagi individu yang lengkap dua dos vaksin.

Pasangan suami isteri jarak jauh dibenarkan merentas negeri bagi tujuan berjumpa pasangan masing-masing, dengan syarat kedua-duanya lengkap dua dos vaksin dan ibu bapa atau penjaga yang sudah melengkapkan vaksinasi serta mempunyai anak bawah usia 18 tahun yang menetap di negeri lain juga dibenarkan merentas negeri untuk berjumpa.

Katanya, individu sudah lengkap divaksin juga dibenarkan menjalankan aktiviti solat di masjid dan surau tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.

"Aktiviti keagamaan di rumah ibadat agama lain bagi individu yang lengkap menerima dua dos vaksin tertakluk kepada ketetapan Kementerian Perpaduan Negara (KPN).

"Hanya pelanggan yang lengkap menerima dua dos vaksin dibenarkan untuk 'dine-in' di restoran, warung dan premis kedai makan, manakala pemilik premis pula wajib memaparkan notis penerimaan pelanggan yang lengkap divaksinasi.

"Aktiviti pelancongan hanya dibenarkan dalam negeri yang

## Statistik kadar vaksinasi bagi setiap negeri sehingga 23 Ogos 2021

| Bil | Negeri          | Lengkap 2 Dos | Peratusan populasi dewasa lengkap 2 dos (%) |
|-----|-----------------|---------------|---|
| 1   | WP Labuan       | 63,271        | 92.4  |
| 2   | Sarawak         | 1,744,895     | 85.4  |
| 3   | Lembah Klang    | 5,250,427     | 85.2  |
| 4   | Negeri Sembilan | 588,880       | 72.3  |
| 5   | Perlis          | 113,124       | 62.4  |
| 6   | Pulau Pinang    | 643,909       | 47.1  |
| 7   | Melaka          | 316,899       | 46.8  |
| 8   | Terengganu      | 346,163       | 42.8  |
| 9   | Pahang          | 502,644       | 42.7  |
| 10  | Perak           | 771,988       | 41.4  |
| 11  | Johor           | 1,052,497     | 38.8  |
| 12  | Kedah           | 589,604       | 38.3  |
| 13  | Kelantan        | 465,245       | 37.6  |
| 14  | Sabah           | 866,228       | 31.4  |

sama sahaja, dengan syarat wajib sudah menerima dua dos vaksin bagi mereka yang ingin menginap di hotel dan inap desa," katanya.

Ismail Sabri berkata, setakat semalam, seramai 13,315,774 individu atau 56.9 peratus daripada populasi dewasa negara sudah mendapat vaksin lengkap, manakala jumlah menerima satu dos sudah mencecah 18,476,589 individu (iaitu 78.9 peratus daripada kalangan populasi dewasa di negara ini).

Mengikut data dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) sehingga kelmarin, kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa di Labuan (92.4 peratus), Lembah Klang dan Sarawak (melebihi 85 peratus), Negeri Sembilan (72.3 peratus) dan Perlis (62.4 peratus).

Perak, Pulau Pinang, Melaka, Pahang, Terengganu (melebihi 40 peratus), manakala Johor, Kedah, Kelantan dan Sabah (di antara 30 hingga 40 peratus).



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Kadar Rt turun kepada 1.01 semalam

**Kuala Lumpur:** Kadar kebolehhangkitan (Rt) COVID-19 mengikut kes harian, terus menunjukkan penurunan dua hari berturut-turut kepada 1.01 semalam, susulan jumlah kes yang menurun, iaitu 17,672 dalam masa sama.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Rt COVID-19 di negara ini mula menunjukkan trend penurunan sejak Isnin, iaitu 1.03 dengan 19,807 kes direkodkan selepas berada pada tahap statik pada 1.04 sejak Rabu hingga Ahad lalu.

Dalam perkongsian di Twitter semalam, Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan pecahan negeri, Sarawak merekodkan Rt tertinggi, iaitu 1.26 diikuti Perlis 1.25 dan Sabah 1.19.

Bagaimanapun, bagi negeri yang sering dikaitkan dengan jumlah kes COVID-19 tertinggi, iaitu Selangor dan Kuala Lumpur merekodkan Rt terendah, iaitu 0.90 bagi Kuala Lumpur dan 0.96 (Selangor).

Bacaan Rt di negeri lain ialah Pulau Pinang (1.14); Johor (1.05); Kelantan (1.10); Melaka (1.05); Putrajaya (0.81); Negeri Sembilan (0.85); Kedah (1.08); Pahang (1.01); Perak (1.06); Terengganu (1.03).

Labuan pula tidak merekodkan Rt dengan hanya tujuh kes direkodkan semalam.

Dalam tempoh dua bulan, jumlah Rt tertinggi yang pernah direkodkan negara ialah 1.16 pada 28 Julai lalu.

Berdasarkan Model Pembendungan Risiko, Pendedahan dan Jangkitan (SEIR) Unjuran dan Pemerhatian Kes Harian COVID-19 yang dikongsi Dr Noor Hisham, Rt boleh melonjak melebihi 1.2 dengan kes mencecah 22,000 jika berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP).

Mengikut rekod Kementerian Kesihatan (KKM), Rt terendah pernah dicatatkan pada 0.81 pada 3 Mac lalu.

Nilai Rt merujuk kepada tahap kebolehhangkitan sesuatu virus, iaitu berapa ramai individu boleh dijangkiti daripada satu kes positif.

Sebagai contoh, jika nilai Rt adalah 1.5, ia bererti satu kes positif boleh menyebarkan kepada seorang atau dua orang yang lain.

Penularan COVID-19

# Jangkitan baharu kembali cecah lebih 20,000 kes

211 kematian dicatatkan, pertambahan 34 lagi kluster

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Angka jangkitan COVID-19 di negara ini semalam kembali melepasi 20,000, iaitu sejumlah 20,837 kes, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 1,593,602 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua negeri mencatatkan pertambahan kes semalam dan seperti sebelum ini Selangor kekal menjadi negeri tertinggi melaporkan kes harian iaitu sebanyak 4,645 kes.

Selain Selangor, negeri yang mencatatkan kes ialah Sabah dengan 3,376 kes, Pulau Pinang (2,054), Kedah (1,772), Johor (1,743), Sarawak (1,543), Kelantan (1,422), Kuala Lumpur

(1,284) dan Perak (1,242).

"Selain itu, Pahang dengan 521 kes baharu, Melaka (396), Terengganu (383), Negeri Sembilan (351), Perlis (74), Putrajaya (27) dan Labuan (empat).

"Sehingga kini, sebanyak 262,713 kes aktif dengan kebolehhangkitan. Daripada jumlah itu 1,063 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 511 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Memperincikan mengenai kes baharu yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata, 9,540 kes berada dalam kategori satu, iaitu tidak mempunyai gejala dan

daripada jumlah berkenaan 81.5 peratus tidak lengkap vaksinasi.

"Bagi kategori dua, iaitu mempunyai gejala ringan, terdapat 10,939 kes dikesan, iaitu 52.5 peratus tidak lengkap vaksinasi dan kategori tiga yang mempunyai radang paru-paru ialah sebanyak 195 kes (80.5 peratus tidak lengkap vaksinasi).

"Bagi kategori empat iaitu pesakit memerlukan bantuan oksigen sejumlah 63 kes dikesan (82.5 peratus tidak lengkap vaksinasi) serta kategori lima, iaitu kritikal dan memerlukan alat bantuan pernafasan adalah 100 kes (83 peratus tidak lengkap vaksinasi)," katanya.

Mengenai 211 kes kematian yang dilaporkan, Dr Noor Hisham berkata, 40 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) membabitkan 26 warganegara dan 14 warga asing.

Sejumlah 41 kes kematian dilaporkan di Johor, Selangor (36), Kedah (32), Pulau Pinang (23), Sabah (17), Perak (16), Negeri Sembilan (12), Kuala Lumpur (10), Pahang (sembilan), Terengganu (lima), masing-masing tiga kes di Kelantan dan Melaka serta masing-masing dua kes di Sarawak dan Perlis.

Sementara itu, mengenai 34 kluster baharu yang dikesan, Dr Noor Hisham berkata, ia sudah menjangkiti 1,137 individu. Daripada jumlah kluster baharu yang dikesan itu, 22 kluster membabitkan tempat kerja, komuniti (sembilan), kumpulan berisiko (dua) dan pusat tahanan (satu).

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan sehingga jam 12 tengah semalam, sebanyak 18,613 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 di negara ini mencecah 1,316,336 kes.



Sebanyak 262,713 kes aktif dengan kebolehhangkitan. Daripada jumlah itu 1,063 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 511 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan

Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan

## Mobilisasi petugas KKM di PPV ditutup

**Kuala Lumpur:** Kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM) yang bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Lembah Klang yang bakal ditutup secara berperingkat ekoran Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menghampiri sasaran vaksinasi, dicadangkan supaya dimobilisasikan ke negeri yang kadar suntikan vaksinya rendah.

Selain itu, pakar kesihatan awam berpendapat, kerajaan harus memastikan pemberian vaksin dalam kalangan pelajar sekolah berusia 18 tahun ke bawah yang dijadual dimulakan pada bulan depan dapat diselesaikan sebelum pembukaan sekolah secara penuh untuk mengelakkan penularan di sekolah.

Ketua Pusat Pengajian Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Megat Azman Megat Mokhtar, berkata langkah itu boleh diambil bagi meningkatkan kadar vaksinasi di negeri yang masih perlahan pecutannya

di Sabah, Kelantan dan Kedah bagi memastikan negara berupaya mencapai imuniti kelompok secara nasional.

"KKM boleh memfokuskan pula kepada negeri yang masih jauh untuk mencapai imuniti kelompok kerana kita mahu imuniti kelompok dicapai pada peringkat kebangsaan untuk mengurangkan kes di unit rawatan rapi (ICU).

"Selain itu, pembabitan pihak swasta ternyata membantu dalam meningkatkan suntikan di mana ia boleh terus diperkasakan, sekali gus boleh mengelakkan pengumpulan individu secara beramai-ramai," katanya kepada BH, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyatakan beberapa PPV di Lembah Klang akan mula ditutup secara berperingkat kerana kadar vaksinasi di negeri dan wilayah berkenaan sudah menghampiri sasaran yang

ditetapkan kerajaan serta KKM.

Sehingga semalam, negeri yang direkodkan paling rendah dalam peratus pemberian vaksin ialah Sabah dengan 31.4 peratus bagi dos kedua dan 53.3 peratus bagi dos pertama, diikuti Kelantan 37.5 bagi dos kedua dan 54.2 bagi dos pertama serta Kedah iaitu dos kedua 38.3 peratus dan 61.5 peratus bagi dos pertama.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Mohd Dzulkhairi Mohd Rani, pula berkata kerajaan dicadangkan turut mewujudkan sebuah jawatankuasa seperti mana Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley bagi negeri yang masih jauh untuk menuju imuniti kelompok.

Beliau berkata, usaha giat yang dilakukan di Lembah Klang boleh dimobilisasikan ke negeri yang rendah kadar suntikannya susulan peningkatan kes yang direkodkan di negeri berkenaan.

"Jika kita tengok vaksinasi mampu mengurangkan kes di ICU, selain kematian di luar hospital (BID) dan ia harus dipergiatkan di negeri yang masih rendah kadar suntikannya apatah lagi kes di negeri berkenaan dikesan meningkat," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mencadangkan pelaksanaan pemberian vaksin pada masa depan bagi golongan berusia di bawah 18 tahun boleh dilakukan di klinik swasta dan disubsidi oleh kerajaan.

"Kalau boleh kerajaan perlu melaksanakan pemberian vaksin kepada pelajar sekolah secepat mungkin dan diselesaikan sebelum pembukaan sekolah kerana pastinya ramai ibu bapa bimbang jika anak mereka ke sekolah tanpa divaksin.

"Ia sekali gus boleh mengelakkan risiko kes COVID-19 di sekolah melalui pengumpulan pelajar secara beramai-ramai," katanya.

**Terkini COVID-19** 18,613

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

20,837

Kes baharu disahkan, semalam

14,553

Jumlah kematian dicatat

1,593,602

Jumlah kes disahkan positif

262,713

kes yang masih dirawat



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

## JKNK tambah katil di ICU, PKRC


**Kota Bharu:** Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) menambah katil termasuk di Unit Rawatan Rapi (ICU) serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) susulan peningkatan kes itu di negeri berkenaan.

Pengarah JKNK Datuk Dr Zaini Hussin berkata, pihaknya turut merancang membuka PKRC Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di sini, termasuk menyediakan 50 katil klinikal sebagai persiapan jika masih berlaku peningkatan kes.

Menurutnya, ada kemungkinan kes yang bertambah berlaku kerana sambutan Aidiladha pada Jun lalu selain musim buah-buahan yang menyebabkan orang ramai berkumpul sejak kebelakangan ini.

"Insya-Allah dengan kesiapsiagaan yang dilakukan, kita boleh berhadapan dengan sebarang peningkatan kes di negeri ini, namun masih berharap agar semua pihak bekerjasama bagi menangani penularan wabak.

"Kita juga mengambil langkah dengan membawa pesakit yang hampir sem-



PETUGAS kesihatan memeriksa pesakit yang ditempatkan di PKRC Gelanggang Seni.

buh di hospital untuk dipindahkan ke PKRC yang ada, supaya wad dapat menampung individu lain yang memerlukan rawatan di hospital.

"Melihat kepada peningkatan kes Covid-19 yang mencapai empat angka di negeri ini, sememangnya memerlukan kerjasama semua pihak untuk mengambil tindakan sewajarnya," katanya ketika ditemui selepas melawat PKRC Ge-

langgang Seni di sini, semalam.

Dr Zaini berkata, setakat ini masih ada lebih 200 kluster di Kelantan termasuk kluster komuniti yang wujud susulan masih terdapat masyarakat yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti tidak memakai penutup muka dan mengambil mudah akan penjarakan fizikal.

"Begitu juga dengan

amalan ziarah yang turut dikategorikan dalam kluster komuniti. Masyarakat seharusnya peka dan mengambil iktibar melalui peningkatan kes yang tinggi.

"Bagaimanapun, setakat kita masih dapat mengurus situasi dengan baik melalui tenaga serta kemudahan yang ada. Kita tidak mahu sekiranya ada peningkatan mendadak tetapi masih dalam keadaan tidak bersedia," katanya.

## KKM tidak hantar pulang pesakit sembuh Covid-19

**Kota Bharu:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menghantar pulang pesakit Covid-19 yang sembuh di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC).

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Zaini Hussin berkata, sebaliknya penghantaran pulang pesakit ke rumah adalah inisiatif beberapa PKRC di Kelantan hasil kerjasama beberapa agensi seperti Pejabat Majlis Daerah.

Katanya, tindakan berkenaan sebagai salah satu tanggungjawab sosial yang dilakukan bagi membantu sesetengah pesakit untuk pulang selepas menerima rawatan namun ia bukan kewajipan KKM.

"Pihak kami turut menyiasat berkaitan video tular membabitkan bekas pesakit di salah sebuah PKRC sebelum ini dan melihat bahawa aspek komunikasi perlu diperkemaskan supaya tiada lagi berlaku salah faham.

"Pesakit yang dibenarkan pulang daripada PKRC adalah yang sudah bebas daripada wabak, jadi tiada masalah untuk mereka pulang termasuk jika mengguna-



DR Zaini

kan perkhidmatan awam seperti teksi dan perkhidmatan e-hailing.

"Masyarakat perlu faham kerana kita sedang berhadapan dengan ribuan pesakit. Kita semua mengharapkan keselesaan, tetapi dalam masa sama perlu menangani ramai lagi pesakit selain bilangan staf dan kakitangan kesihatan yang terhad," katanya ketika ditemui selepas melawat PKRC Gelanggang Seni di sini, semalam.

Sebelum ini, tular di media sosial satu video menunjukkan seorang wanita yang tidak berpuas hati dengan layanan pihak KKM semasa keberadaannya di sebuah PKRC di Kelantan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19

## Jumlah jangkitan 20,837 kes

**Kuala Lumpur:** Jumlah kes jangkitan baharu Covid-19 kembali mencatatkan peningkatan apabila mencatatkan sebanyak 20,837 kes dengan 211 kematian, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif 1,593,602 kes direkodkan setakat ini.

"Daripada 20,837 kes harian yang dilaporkan, sebanyak 358 kes (1.7 peratus) adalah daripada kategori 3, 4 dan 5, manakala sebanyak 20,479 kes (98.3 peratus) lagi terdiri kategori 1 dan 2.

"Secara keseluruhan, sebanyak 16,949 kes (81.3 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan, hari ini (semalam) tiada atau tidak lengkap vaksinasi," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata,

Selangor kekal merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 4,645 kes, diikuti Sabah (3,376 kes); Pulau Pinang (2,054); Kedah (1,772 kes); Johor (1,743 kes); Kelantan (1,422 kes); Kuala Lumpur (1,284 kes) dan Perak (1,242 kes).

"Selain itu, Pahang mencatatkan 521 kes; Melaka (396 kes); Terengganu (383 kes); Negeri Sembilan (351 kes); Perlis (74 kes); Putrajaya (27 kes) dan Labuan (empat kes).

"Sebanyak 1,064 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana daripada jumlah itu, 511 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Menurutnya, sebanyak 211 kes kematian dilaporkan semalam yang membabitkan 41 kes di Johor, 36 kes di Selangor, 32 kes di Kedah, 23 kes di Pulau Pinang dan 17 kes di Sabah.

"Selain itu, 16 kes kematian turut dilaporkan di Perak, 12 kes di Negeri Sembilan, 10 kes di Kuala Lumpur, sembilan kes di Pahang dan lima kes di Terengganu.

"Manakala, masing-masing tiga kes kematian dilaporkan di Kelantan dan Melaka serta dua kes di Sarawak dan Perlis," katanya.

Katanya, berdasarkan data terkini nilai kadar kebole-hjangkitan (RT) Malaysia adalah sebanyak 1.01.

"Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Sarawak (1.26), diikuti oleh Perlis (1.25) dan Sabah (1.19).

"Semua negeri mencatatkan nilai RT melebihi 1.0 kecuali Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sembilan," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 5  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Kes harian kembali meningkat

Rekodkan 20,837 kes Covid-19 selepas tiga hari berturut-turut catat penurunan

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

Selepas tiga hari berturut-turut merekodkan penurunan, angka baharu positif Covid-19 di Malaysia kembali meningkat kepada 20,837 kes pada Selasa.

Selangor melaporkan peningkatan sebanyak 329 kes iaitu 4,645 kes berbanding 4,316 pada Isnin.

Kes harian di Sabah pula menunjukkan peningkatan ketara iaitu 3,376 kes berbanding hari sebelumnya sebanyak 2,474 kes.

Ia diikuti Pulau Pinang sebanyak 2,054 kes, Kedah (1,772), Johor (1,743), Sarawak (1,543), Kelantan (1,422), Kuala Lumpur (1,284) dan Perak (1,242).

Negeri yang melaporkan kes di bawah empat angka pula ialah Pahang (521), Negeri

Sembilan (351), Terengganu (383), Perlis (74), Putrajaya (27) dan Labuan (empat).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu dilaporkan, sebanyak 358 kes adalah daripada kategori tiga, empat dan lima.

"Terdapat sebanyak 20,479 kes lagi adalah kategori satu dan dua," katanya.

Menurutnya, secara keseluruhan, sebanyak 16,949 kes daripada jumlah yang dilaporkan tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

"Peningkatan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di negara ini ialah sebanyak 1,593,602 kes," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, secara keseluruhan terdapat sebanyak 262,713 kes aktif di seluruh negara.

"Kes yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) ialah 1,063 termasuk 511 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," jelasnya.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, kes kematian berkaitan Covid-19 bertambah kepada 14,553 kes selepas 211 pesakit dilaporkan maut.

"Ia membabitkan 187 rakyat tempatan dan 24 warga asing," katanya.

Ujarnya, terdapat 40 kematian di luar fasiliti kesihatan yang terdiri daripada 26 rakyat tempatan dan 14 bukan warganegara.

Bagi kes sembuh, Dr Noor Hisham berkata, seramai 18,613 dilaporkan pulih, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,316,336 kes.

Mengulas mengenai kluster, beliau berkata, sebanyak 34 kluster baharu dikenal pasti termasuk 22 daripadanya melibatkan kluster tempat kerja.


"Sembilan kluster komuniti, dua kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster pusat tahanan turut dikenal pasti," katanya.

Jelasnya, jumlah keseluruhan kluster ialah 4,506.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 3,060 kluster telah diisytiharkan tamat, manakala baki 1,446 kluster masih aktif.

**SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

**KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI**



**Kategori 1**  
Tanpa gejala

**Kategori 2**  
Gejala ringan

**Kategori 3**  
Jangkitan paru-paru

**Kategori 4**  
Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen

**Kategori 5**  
Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPIC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**



\*Dikemas Kini pada jam 12 tengah hari 24 Ogos 2021

**JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI!**

|                    |           |       |           |     |       |          |        |            |        |                |            |
|--------------------|-----------|-------|-----------|-----|-------|----------|--------|------------|--------|----------------|------------|
| JUMLAH KESELURUHAN | 1,593,602 | PULIH | 1,316,336 | ICU | 1,063 | KEMATIAN | 14,553 | KES BAHARU | 20,837 | SUDAH DIVAKSIN | 31,792,363 |
|--------------------|-----------|-------|-----------|-----|-------|----------|--------|------------|--------|----------------|------------|



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS / NATION

## Health D-G: Covid-19 cases back to over 20,000-mark

**KUALA LUMPUR:** Covid-19 cases in the country passed the 20,000 mark again, with 20,837 new infections reported in the last 24 hours.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative figure since the pandemic began had risen to 1,593,602 infections.

Selangor again recorded the highest number of cases with 4,645, followed by Sabah with 3,376 and Penang at 2,054.

The other states with four-digit cases were Kuala Lumpur with 1,284 cases, Kedah (1,772) Johor (1,743), Sarawak (1,543), Kelantan (1,422) and Perak (1,242).

Pahang reported 521 cases, followed by Melaka (396), Terengganu (383) and Negri Sembilan (351).

"Putrajaya and Perlis reported 27 and 74 cases respectively, while Labuan had four," he said via Twitter yesterday.

Later, in a statement, Dr Noor Hisham said of the 20,837 new cases, only 358 patients came under Category 3, 4, and 5.

"The remaining 20,479 (98.3 per cent) are in Category 1 and 2, with minimal or no symptoms at all," he said.

He added that this meant patients in the severe or critical stages of Category 3, 4 and 5 comprised only 1.7 per cent of the new cases.

He also said 81.3 per cent, or 16,949, of the cases, had yet to complete or receive their Covid-19 vaccinations.

From the number of cases reported in the last 24 hours, 20,815 were local transmissions, with 17,440 infections involving Malaysians and 3,375 foreigners.

On fatalities, Dr Noor Hisham said 211 deaths were reported with 40 Brought in Dead (B.I.D.) cases in the last 24 hours.

"There were 116 male and 95 female patients who succumbed to the Covid-19 virus today (yesterday). Today's fatalities has pushed the country's death toll to 14,553."

Dr Noor Hisham also said the highest fatalities was in Johor with 41 cases, followed by Selangor (36), Kedah (32), Penang (23), Sabah (17), Perak (16), Negri Sembilan (12) and Kuala Lumpur (10). Pahang recorded nine deaths, Terengganu (five), Melaka (three), and Kelantan and Sarawak with two deaths each.

Dr Noor Hisham also said the number of patients being treated at the Intensive Care Units had increased to 1,063, while 511 patients needed breathing assistance. He added that there were 18,613 recoveries yesterday.

On the country's Covid-19 infectivity rate, he said the national R-naught (Rt) was 1.01 as of Monday.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## DG calls on bosses to increase testing of labour force

By JOSEPH KAOS Jr  
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** As Malaysia's increasing Covid-19 positive rate points to undertesting, the Health Ministry has called on the private sector to help boost its daily test numbers.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah admits that the country's Covid-19 test numbers can be improved.

With more Covid-19 self-test options available on the market, Dr Noor Hisham said members of the public could help the ministry to increase its testing figures.

"Without a doubt, our testing numbers can be increased.

"Now, we have 12 Covid-19 self-test kits approved for usage.

"Our private laboratories also have more than enough capacity to conduct more tests.

"We have also instructed factories and employers to increase periodic testing on their employees, which will be monitored by the

### 40% of the population fully vaccinated now

**KUALA LUMPUR:** Some 40.8% of the country's population, or 13,315,774 people, have completed both doses of Covid-19 vaccination as of Monday.

A Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee (JKJAV) infographic on its official Twitter also showed that 18,476,589 individuals had received the first dose.

This means that a total of 31,792,363 vaccine doses have been administered under the

respective agencies," said Dr Noor Hisham when interviewed.

Over the weekend, Malaysia's Covid-19 daily infections saw a slight downturn with 17,672 new cases on Monday and 19,807 on

National Covid-19 Immunisation Programme as of Monday.

It also showed the percentage of the adult population who had completed both doses rising to 56.9%.

On daily vaccination, it recorded a drop with 396,576 doses dispensed, from 441,100 doses administered on Monday, 246,109 were for second dose.

The vaccination drive was launched on Feb 24. — Bernama

Sunday. This, however, coincided with less testing reported on those days — 118,158 tests on Monday and 138,904 on Sunday.

In comparison, the country reported 150,346 tests on Saturday,

when there were 22,262 new cases.

In terms of positive testing rate, Malaysia's daily figures have been hovering between 13% and 15%.

This is much higher than the World Health Organisation's (WHO) benchmark of 5% positive rate and below.

Dr Noor Hisham said there were many instances of negative test results not being keyed in on time into the Public Health Laboratory Information System (Simka), causing a backlog.

"Most positive cases are being reported, but not the negative tests.

"So it is as if we are doing less tests in a day if these negative results are not reported," he said.

Yesterday, Malaysia's Covid-19 figures made a return to the 20,000 mark when 20,837 new cases were reported.

Cumulatively, the country has had 1,593,602 cases since the pandemic began.

Selangor remained the state with the highest number of cases with

4,645 new infections, followed by Sabah with a state record of 3,376 cases.

Another 18,613 Covid-19 patients were discharged from treatment, while 211 died due to the disease.

The national Covid-19 death toll has gone up to 14,553, while currently, there are 262,713 active Covid-19 cases nationwide.

Of that total, 1,063 are in intensive care units (ICUs) and 511 are in need of breathing assistance.

Meanwhile, National Security Council (NSC) director-general Datuk Rodzi Md Saad said in a statement yesterday, that an additional nine areas in Pahang and Sabah have been placed under the enhanced movement control order.

He said localities in Tawau, Kota Belud, Panampang and Beaufort would be under the enhanced MCO from Aug 26 until Sept 8.

In Pahang, three areas in Cameron Highlands will also be under the enhanced MCO during the same period.